

PARLIMEN-BESI

KUALA LUMPUR, 23 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN KERAJAAN PERLU MENAIKKAN TARIF IMPORT BAHAN-BAHAN BESI BARU-BARU INI BAGI MENGELAKKAN NEGARA-NEGARA ASING MENJUAL BAHAN ITU DENGAN HARGA LEBIH MURAH DARIPADA KOS PENGELUARAN.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK PETER CHIN GAN OON (BN-IPOH), BELIAU BERKATA + PERLINDUNGAN PERLU DIBERI KERANA MUNGKIN ADA NEGARA-NEGARA ASING MELAKUKAN +LONGGOKAN BARANGAN+ DAN IA BOLEH MENJEJASKAN KILANG BESI YANG DIMILIKI OLEH HICOM.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA LANGKAH ITU PERLU BAGI MENJAMIN KILANG TEMPATAN DAPAT BERSAING DENGAN PENGELUAR-PENGELUAR LUAR NEGERI.

MENGENAI PENUBUHAN DUA BUAH KILANG BESI SNGELUARKAN BAHAN YANG SAMA DI TERENGGANU DAN SABAH, BELIAU BERKATA IA BUKANLAH BERTUJUAN HENDAK MEMENUHI KEPERLUAN TEMPATAN SAHAJA.

KATANYA KILANG DI SABAH DILULUSKAN DENGAN SYARAT 100 PERATUS UNTUK DIEKSPORT MANAKALA DI TERENGGANU UNTUK PERMINTAAN TEMPATAN. -- LAGI.

PARLIMEN-BESI 2 KUALA LUMPUR

KATANYA KOMPOSISI KELUARAN KEDUA-DUA KILANG ITU JUGA BERLAINAN KERANA DI TERENGGANU MENGELUARKAN BESI BERONGGA YANG SEBAHAGIAN BESARNYA DIJADIKAN BILET SEMENTARA KILANG DI SABAH HANYA MENGELUARKAN +HOT BRIQUETTED IRON+ SAHAJA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DR TAN SENG GIAW (DAP-KEPONG) MENGENAI KENAPAKAH MALAYSIA PERLU MENGELUARKAN BESI PADA HAL BAHAN ITU BOLEH DIDAPATI DENGAN HARGA MURAH DARI JEPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA,+ SEBENARNYA SEKIRANYA DILIHAT DARIPADA SEGI ITU, KITA TIDAK PERLU MELAKSANAKAN APA-APA PERUSAHAAN SEKALI PUN KERANA KEBANYAKAN BARANGAN BOLEH DIBELI DENGAN HARGA MURAH YANG DIHASILKAN OLEH NEGARA LUAR.

+ TETAPI KITA AKAN KEKAL SEBAGAI SEBUAH NEGARA PENANAM PADI DAN PENUH DENGAN POKOK KAYU SAHAJA KALAU KITA TIDAK MEMULAKAN SESUATU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA LAZIMNYA HARGA SESUATU BARANG ITU AKAN LEBIH MURAH APABILA IA DIKELUARKAN DENGAN BANYAK TETAPI KEADAAN DEMIKIAN TIDAK DAPAT DILAKUKAN SEKARANG KERANA PENDUDUK NEGARA INI MASIH TIDAK RAMAI. -- LAGI.

PARLIMEN-BESI 3 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN LAIN KENAPAKAH KERAJAAN MELAKSANAKAN PROJEK INDUSTRI BERAT DALAM KEADAAN EKONOMI SEKARANG, PERDANA MENTERI BERKATA PROJEK KILANG BESI BUKAN PROJEK BESAR TETAPI KILANG YANG HANYA BERUPAYA MENGELUARKAN 600,000 TON SETAHUN BERBANDING DENGAN 2 ATAU 3 JUTA TON SETAHUN YANG DIKELUARKAN DI JEPUN.

BELIAU BERKATA PELAKSANAAN SESUATU PROJEK MEMERLUKAN MASA PANJANG DAN SEMASA PROJEK KILANG BESI DIRANCANG KETIKA KEADAAN EKONOMI DUNIA BAIK TETAPI SEMASA PELAKSANAANNYA EKONOMI DUNIA MEROSOT. -- BERNAMA.

1807MST 23 10 85